

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**  
**BIL. 2/1999**

---

**MAKLUMAT MENGENAI BAYARAN CUKAI PINTU**  
**DI DALAM KERTAS MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN**

Arahan ini dikeluarkan supaya semua Pentadbir Tanah Jajahan mengambil langkah menentukan, selain daripada maklumat mengenai bayaran cukai tanah semasa, maklumat tambahan mengenai bayaran cukai pintu bagi lot -lot hartanah dalam kawasan operasi cukai bandar bagi Majlis -Majlis Daerah / Perbandaran, hendaklah dimasukkan dalam kertas - Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan sebagai item tambahan dibawah perkara Perihal Tanah. Langkah ini adalah selaras dengan keperluan Pihak Berkuasa Negeri bagi memastikan cukai -cukai semasa yang terhak dibayar serta tunggakannya, dijelaskan terlebih dahulu oleh pemilik atau pemohon sebelum pertimbangan dibuat.

2. Semua Pentadbir Tanah adalah dikehendaki memastikan supaya perhatian dan tindakan yang berkenaan diambil bagi memenuhi keperluan Pihak Berkuasa Negeri untuk melicinkan lagi proses pertimbangan keatas permohonan -permohonan khususnya dibawah urusan Ubahsyarat / Pecahsempadan, Pindahhakmilik, Gadaian dan seumpamanya.
3. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

**t.t**  
**(Md. Yusof bin Noh)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

Kepada : Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

- Salinan Kepada :
1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
  2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
  3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
  4. YBM. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
  5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
  6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
  7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG.KN.3269/JLD.2/(43)  
BERTARIKH : 28 SAFAR 1420  
13 JUN 1999**